

Georgetown: Sebanyak 21 vesel nelayan asing dilupuskan dengan cara musnah dan buang oleh Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Negeri Pulau Pinang, kelmanir.

Pengarahnya Kepten Maritim Razali Kasim berkata, tindakan pelupusan sebanyak 21 vesel nelayan asing itu dilakukan di Pekarangan Limbongan Batu Maung, di sini.

Maritim Malaysia Pulau Pinang lupus 21 vesel nelayan asing

HM 2017124 MS 25

"Terdapat sebuah bot daripadanya yang terdahulu pernah ditahan pihak Maritim Malaysia pada tahun 2022.

"Manakala sebanyak 19 daripadanya yang lain ditahan pada tahun 2023 dan sebuah lagi pada awal tahun

2024," katanya dalam kejayaan media pada semalam.

Mengulas lanjut Razali berkata, Maritim Malaysia menggunakan dua kaedah pelupusan iaitu kaedah musnah pecah dan kaedah tenggelam bagi dijadikan

tukun.

"Keseluruhannya, setakat ini sebanyak 21 vesel nelayan asing dilucut hak dan perlu dilupuskan.

"Ia membabitkan anggaran nilai perolehan asal bot sebanyak RM45,000," katanya.



Terdapat sebuah bot daripadanya yang terdahulu pernah ditahan Maritim Malaysia pada tahun 2022. Manakala sebanyak 19 daripadanya yang lain ditahan pada tahun 2023 dan sebuah lagi pada awal tahun 2024"

Razali



SEBAHAGIAN daripada 21 vesel nelayan asing yang dilupuskan dengan cara musnah dan buang oleh Maritim Malaysia Negeri Pulau Pinang.